

9 premis gajet seks diserbu

Kosmo 17/05/2010 MS 43

Oleh MOHD DZULRAINI IMMERAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Sebanyak sembilan premis seks di sini, Subang Jaya dan Johor Bahru diserbu semalam atas dakwaan menjual gajet-gajet seks. Operasi itu berakhir dengan tiga buah kedai diarah tutup serta-merta.

Hasil rampasan daripada ketiga-tiga premis itu melebihi RM120,000.

Tindakan itu membuktikan anggapan sesetengah pegawai kerajaan khususnya daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kononnya mereka tidak dapat bertindak atas alasan pengusaha premis terbabit tidak melakukan kesalahan kerana menjual cenderamata, adalah salah.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjadi pihak berkuasa pertama yang bertindak dengan seramai 15 anggota MPSJ menyerbu sebuah premis di The Summit, Subang Jaya pada pukul 12 tengah hari semalam.

Selepas menggeledah premis itu, mereka merampas 80 gajet seks bernilai kira-kira RM20,000 serta mengarahkan ia ditutup serta-merta kerana menyalahi syarat lesen menjual produk kesihatan.

Setiasaha MPSJ, Selamat Hamzah yang mengetahui operasi itu berkata, antara yang dirampas ialah alat sulit lelaki palsu, vibrator selain patung seks wanita dari Korea Selatan dan Jepun.

Semasa serbuan, premis itu diuruskan oleh seorang pekerja yang mahu dikenali sebagai Ah Yong, 23, yang memberitahu, ketika sudah setahun beroperasi di sini inilah kali pertama ia diserbu.



ZAINAL memeriksa pelbagai jenis gajet seks dan ubat tenaga batin yang diragui dalam serbuan di sebuah premis di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru semalam.

Salamat memberitahu, pengusaha premis itu akan didakwa di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian MPSJ 2007 di bawah Seksyen 10 (1)(C) yang membawa kepada kompaun sebanyak RM1,000 serta diarah tutup.

Sementara itu, penguat kuasa DBKL yang tidak mahu bertindak ke atas kedai-kedai seks di ibu kota selama ini terpaksa turun padang semalam bersama polis serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyerbu tujuh premis di lima lokasi yang didedahkan di muka depan *Kosmo!* semalam.

Dalam serbuan yang melibatkan lebih 80 anggota bermula pukul 3.45 petang itu, mereka bertindak menyita dua premis di Sungei Wang yang menjual pel-

bagai gajet seks.

Pegawai Turus cawangan Anti Maksiat, Kongsi Gelap dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, Deputi Supritendan Razali Abu Samah berkata, pihaknya merampas 55 gajet seks dari kedua-dua premis itu dan menahan dua orang.

Mereka kemudian menyita gajet seks dari sebuah kedai di Cheras Leisure Mall dan mengarahkan ia ditutup serta-merta.

Katanya, siasatan akan dijalankan di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan kerana menjual dan mempamer barang lucah dan jika sabit kesalahan orang yang didakwa boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di Johor Bahru, polis merampas alat getar, kondom bergerigi, cincin berbulu

ayam, cecair pelincir aroma lemon serta pil perangsang seks tiruan dari sebuah kedai di Jalan Wong Ah Fook dalam operasi pada pukul 4 petang semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Supritendan Zainal Baharom berkata, nilai keseluruhan hasil rampasan hampir RM100,000.

Serentak dengan itu, polis menahan tiga lelaki berusia dalam lingkungan 20-an bagi membantu siasatan.

“Gajet seks yang dirampas akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan manakala di-pil perangsang seks itu akan diuji oleh Jabatan Kimia,” jelasnya.

Beliau memberitahu, selepas disita, premis tersebut turut diarah tutup.